

Pesalah dilabel penjenayah perang

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 31 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ketua-ketua negara yang didapati bersalah oleh Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur yang akan ditubuhkan perlu dilabel sebagai penjenayah perang iaitu satu bentuk hukuman yang paling mereka takuti.

Menurut bekas Perdana Menteri, memandang tribunal itu tidak boleh menghukum atau menahan mereka, maka gelaran penjenayah merupakan satu hukuman yang boleh diberikan.

"Kita tak boleh paksa mereka ke tribunal tapi kita berharap dapat melakukan sesuatu dalam cara untuk menghukum mereka yang bersalah termasuk ketua negara yang berkuasa.

"Saya merasakan hukuman itu akan melekat dalam sejarah dan ketua negara tersebut akan dipanggil sebagai penjenayah perang setiap kali nama mereka disebut.

"Begitu juga dalam buku sejarah, ini adalah hukuman yang boleh kita beri kepada mereka kerana kita tidak boleh menahan dan menghukum mereka.

"Kita tak boleh gantung mereka sebagaimana mereka gantung Saddam Hussein," katanya hari ini.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat penubuhan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur yang akan dilancarkan sempena Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang-Jadikan Peperangan Satu Jenayah anjuran Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana, di sini.

Persidangan dan pameran itu akan diadakan selama tiga hari mulai 5 Februari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pada sidang akhbar itu, Dr. Mahathir memberitahu, sebelum Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur bersidang, kes-kes aduan akan diteliti oleh Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur.

Untuk itu katanya, beliau akan menjadi Pengerusi Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur bersama-sama dengan lima ahli lain yang terlibat dalam bidang undang-undang.

Sementara Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur pula akan dipengerusikan oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Kadir Sulaiman dan dianggotai beberapa bekas hakim termasuk bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Siti Norma Yaakob dan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abu Mansor Ali.

Mengenai mangsa jenayah perang itu, beliau berkata, setakat ini terdapat lapan

orang mangsa yang berasal dari Lebanon, Palestin dan Iraq dan setelah tribunal ditubuhkan, kemungkinan lebih ramai akan tampil ke hadapan.

"Mangsa perang itu pergi ke seluruh dunia untuk meminta pertolongan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) namun mereka akhirnya datang ke Malaysia.

"Kita tak ada agenda, ia semata-mata atas dasar bertanggungjawab untuk membantu mangsa jenayah perang," katanya.

Mengenai hakim yang akan mengendalikan tribunal itu, Dr. Mahathir memberitahu, pihaknya akan memastikan mereka tidak pilih kasih sebaliknya hakim-hakim akan mengendalikan kes jenayah perang mengikut undang-undang mahkamah dan berdasarkan kepada bukti yang ada.

DR. MAHATHIR Mohamad pada sesi taklimat di Putrajaya semalam mengenai Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang yang akan diadakan di PWTC pada 5 dan 7 Februari. Turut kelihatan bekas Naib Presiden Persatuan Undang-Undang Sabah, Datuk Dr. Yaacob Hussain Merican.

- Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI

